

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ**

TARIKH : 5 APRIL 2017

RUJUKAN : 9704

SOALAN:

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah bagi mengatasi aktiviti
penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa di kawasan Projek
Perumahan Rakyat (PPR).**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil tindakan berfokus bagi mengatasi aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Pada masa ini, sebanyak 119 buah PPR telah dikenal pasti berada dalam kawasan berisiko berdasarkan maklumat profiling kawasan melalui kaedah *Geographic Information System* (GIS). Daripada jumlah tersebut, 51 buah PPR berada di kawasan berisiko tinggi.

Bagi mengatasi aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan tersebut, program pencegahan telah dilancarkan secara berfokus di 51 PPR yang berisiko tinggi dengan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) *Community Empowerment* sebanyak 51 program;
- ii) *Omnipresence* sebanyak 115 program;
- iii) Ops Cegah sebanyak 50 program yang melibatkan lawatan dari rumah ke rumah di kawasan PPR;
- iv) Ops Bersepadu melalui 15 program yang melibatkan agensi penguatkuasa seperti AADK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Sukarelawan (RELA) dalam operasi mengesan penagih dadah;
- v) Melantik Ikon Antidadah seramai 8 orang sebagai 'duta' AADK bagi menggerakkan kempen kesedaran pencegahan dadah; dan

- vi) **Menghebahkan program-program yang dilaksanakan oleh AADK melalui media massa (elektronik, cetak, siaran radio dan televisyen).**

Selain itu, AADK juga menjalankan program rawatan dan pemulihan melalui kaedah *out-reach* di kawasan-kawasan PPR. Ini bertujuan untuk mendekati dan mengesan kes-kes penagih dadah yang berada dalam pengawasan dan seterusnya melibatkan mereka dalam program-program susulan yang bersesuaian.